

D451

UB877 A A B
MAHATHIR - TINDAKAN

KUALA LUMPUR, 2 DIS (BERNAMA) - - PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MEMBIDAS PIHAK-PIHAK YANG MENDAKWA KONONNYA KERAJAAN PUSAT MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA KERANA KEPENTINGAN POLITIK.

+SAYA DAPATI BAHAWA KERAJAAN DIGANGGU DENGAN TUDUHAN BAHAWA SEBARANG TINDAKAN OLEH KERAJAAN MERUPAKAN PENINDASAN POLITIK,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

MENURUTNYA, DAKWAAN ITU DIBUAT SEBAGAI USAHA MENGHALANG KERAJAAN DARIPADA MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA YANG MELAKUKAN KESALAHAN ATAU MEMAKSA AGAR TIDAK DIJALANKAN PENYIASATAN.

+INI KITA TIDAK BOLEH TERIMA, KALAU ADA TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL WALAUPUN TAFSIRAN DIBUAT KONONNYA INI ADALAH KERANA KEPENTINGAN POLITIK, KITA TIDAK AKAN MENGAMBIL KIRA TAFSIRAN ITU. . . .KITA AKAN JALANKAN TUGAS KITA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA JIKA KERAJAAN SANGGUP BERTINDAK TERHADAP PARA PEGAWAI-KERAJAAN YANG MELAKUKAN KESALAHAN, TIDAK ADA SEBAB TINDAKAN TIDAK HARUS DIJALANKAN KE ATAS ORANG LAIN KALAU MEREKA BERSALAH. -- LAGI
1827MST 02 12 89

D453

UB878 A A B
MAHATHIR - TINDAKAN 2 KUALA LUMPUR

+SEPERTIMANA KITA TAHU BANYAK JUGA ORANG POLITIK YANG MEMBUAT SALAH, KALAU HEREKA DARIPADA PARTI KERAJAAN ATAU LAWAN, KITA TAK KIRA, KITA AKAN AMBIL TINDAKAN,+ KATANYA.

+OLEH ITU JANGAN CUBA DAKWA KONONNYA TINDAKAN YANG DIAMBIL TERHADAP MEREKA ADALAH KERANA POLITIK,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MENYEBUTKAN PERKARA ITU BUKAN KERANA MASALAH DI SABAH TETAPI MEMANDANGKAN DAKWAAN SEUMPAMA ITU JUGA SUDAH MULA DITIMBULKAN DI SEMENANJUNG.

+ADA ORANG SUDAH MENDAKWA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA KERANA KEPENTINGAN POLITIK,+ KATANYA. -- BERNAMA
1829MST 02 12 89